

**PERLEMBAGAAN
PERSATUAN KENDO MALAYSIA
(Malaysia Kendo Association)**

FASAL 1. NAMA

Badan Sukan ini dikenali dengan nama Persatuan Kendo Malaysia (Malaysia Kendo Association) atau ringkasnya disebut sebagai MKA di dalam Perlembagaan ini.

FASAL 2. ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

2.1 Alamat Berdaftar

Alamat berdaftar Persatuan Kendo Malaysia ialah di 22, Jalan Setiajaya, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

2.2 Alamat berdaftar tidak boleh diubah tanpa kelulusan Jawatankuasa Induk Persatuan dan hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya. Perubahan alamat berdaftar hendaklah dimaklumkan kepada badan gabungannya di peringkat kebangsaan.

FASAL 3. DEFINISI

3.1 PERSATUAN bermakna Persatuan Kendo Malaysia (Malaysia Kendo Association)

3.2 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN bermakna mesyuarat yang diadakan oleh Persatuan ini pada tiap-tiap tahun seperti yang disebutkan dalam Fasal 14 perlembagaan ini.

3.3 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA bermakna mesyuarat yang diadakan oleh persatuan ini seperti yang disebut dalam Fasal 16 perlembagaan ini.

3.4 JAWATANKUASA INDUK bermakna jawatankuasa tertinggi yang mentadbir perjalanan persatuan dan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar persatuan yang disebut dalam Fasal 17 perlembagaan ini.

3.5 JAWATANKUASA bermakna Jawatankuasa yang sah dibentuk atau dilantik di bawah Perlembagaan ini mengikut Fasal 21.

- 3.6 PEGAWAI bermakna semua ahli jawatankuasa induk, jawatankuasa dan mana-mana orang yang diberikan kuasa untuk menjalankan tugas dan fungsi Persatuan.
- 3.7 PEMEGANG JAWATAN bermakna mana-mana orang yang dipilih atau dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan atau dilantik oleh Jawatankuasa Induk Persatuan.
- 3.8 BADAN PENGELOLA (*Governing Body*) bermakna badan sukan kebangsaan yang mendapat pengiktirafan dari badan antarabangsa untuk mewakili badan sukan berkenaan di Malaysia.
- 3.9 PEJABAT bermakna alamat berdaftar persatuan seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2 Perlembagaan ini.
- 3.10 AHLI PERSATUAN bermakna ahli yang disebutkan dalam Fasal 6 Perlembagaan ini.
- 3.11 PESURUHJAYA bermakna Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Seksyen 10 Akta Pembangunan Sukan 1997.

FASAL 4. OBJEKTIF DAN FUNGSI

- 4.1 Objektif Persatuan antaranya seperti berikut:
 - (a) untuk membangun, menggalak dan mempromosi sukan kendo, iaido dan jodo di seluruh negara;
 - (b) untuk merancang dan membangunkan atlet, pegawai, jurulatih dan mencungkil bakat-bakat baru;
 - (c) untuk memilih atlet bagi mewakili negara dalam mana-mana pertandingan sukan kendo, iaido dan jodo di peringkat antarabangsa;
 - (d) untuk mewakili Malaysia dalam badan antarabangsa yang diiktiraf bagi mewakili sukan kendo, iaido dan jodo;
 - (e) untuk bergabung dengan badan pengelola antarabangsa; dan
 - (f) untuk menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi melalui penubuhan / penerimaan ahli gabungan peringkat negeri.
- 4.2 Fungsi Persatuan antaranya seperti berikut:

- (a) bertindak sebagai badan pengelola di peringkat kebangsaan bagi sukan kendo, iaido dan jodo;
- (b) membangun, mengendali, mempromosi dan mengurus sukan kendo, iaido dan jodo di Malaysia;
- (c) menafsir dan melaksana peraturan dan undang-undang melalui kuasa, tugas dan hak yang diperuntukan oleh badan sukan ini di peringkat antarabangsa;
- (d) mewujudkan kesedaran ke atas kepentingan peraturan dan undang-undang sukan kendo, iaido dan jodo di kalangan ahli yang terbabit;
- (e) mengendalikan kursus, latihan, pembangunan atlet, kejurulatihan, kepegawaian dan sukarelawan;
- (f) menganjur atau membantu penganjuran dan menjadi tuan rumah pertandingan bagi sukan kendo, iaido dan jodo di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (g) menyelesaikan apa-apa isu atau konflik yang melibatkan ahli-ahlinya termasuk pegawai dan pemegang jawatan dalam persatuan.
- (h) mengekalkan hubungan baik dan kedudukan baik dengan badan antarabangsa dan badan-badan sukan atau agensi di peringkat kebangsaan;
- (i) memastikan prosedur pemilihan ahli sukan, pegawai, jurulatih dan mana-mana orang untuk mewakili negara dalam sukan kendo, iaido dan jodo adalah terbuka dan adil;
- (j) memastikan setiap program dan aktiviti dilaksanakan berlandaskan perlembagaan ini dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- (k) memastikan bahawa perlembagaan dan peraturan persatuan dipatuhi oleh semua ahli;
- (l) memastikan laporan aktiviti dan akaun kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan sebelumnya disediakan;
- (m) memastikan kegiatan amal atau perniagaan yang dijalankan bagi menambah kewangan persatuan tidak bercanggah dengan undang-undang negara; dan

- (n) memastikan semua keuntungan yang diperolehi oleh Persatuan melalui apa-apa perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk meningkatkan, memajukan dan menjalankan objektif dan matlamat Persatuan ini. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang pembayaran gaji atau perbelanjaan kepada ahli atau pekerja persatuan ini. Persatuan juga boleh menubuhkan badan perniagaan dan boleh memiliki harta benda dengan syarat keuntungan hendaklah dimasukkan ke dalam **Tabung Kewangan Persatuan**.

FASAL 5. LOGO / LAMBANG

Logo/lambang Persatuan ini ialah seperti berikut :-

- a) *Satu bulatan dengan “laurel” dengan gambar topeng “men”, sebatang “shinai” melintang ke kiri dan bunga raya di sebelah kanan;*
- b) *Perkataan “Persatuan Kendo Malaysia” di bahagian atas dan perkataan “M.K.A.” di sebelah bawah dalam bulatan;*
- c) *Warna yang digunakan –*

*“Men” = Ungu;
“Shinai” = putih;
“Bunga Raya” = merah;
Bulatan laural = hijau;
Perkataan = hitam
Latar belakang = putih*

FASAL 6. KEAHLIAN

Keahlian Persatuan ini terbahagi kepada kategori seperti berikut:

6.1 Ahli Gabungan

Terdiri dari persatuan-persatuan sukan kendo di peringkat negeri yang sah berdaftar di Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

6.2 Ahli Kehormat

Terdiri daripada Individu-individu yang pernah berjasa kepada Persatuan atau individu-individu yang boleh memberi sumbangan kepada Persatuan yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk.

FASAL 7. YURAN KEAHLIAN

- 7.1 Setiap ahli hendaklah membayar yuran pendaftaran dan tahunan kepada Persatuan seperti berikut :

| BIL | JENIS KEAHLIAN | YURAN PENDAFTARAN | YURAN TAHUNAN |
|-----|----------------|-------------------|---------------|
| 1 | Ahli Gabungan | RM100 | RM200 |
| 2 | Ahli Kehormat | RM0 | RM0 |

- 7.2 Yuran tahunan hendaklah dibayar tidak lewat dari 1 Februari tiap-tiap tahun kepada Bendahari. Sekiranya yuran itu tidak dibayar, ahli yang berkenaan tidak boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan
- 7.3 Kegagalan untuk menjelaskan yuran tahunan dalam tempoh satu (1) tahun menyebabkan keahliannya terbatal.
- 7.4 Mana-mana ahli yang telah dibatalkan keahliannya dan ingin menjadi ahli semula, hendaklah mengemukakan permohonan baru dengan menyertakan bayaran yuran pendaftaran, yuran tahunan dan penalti sebanyak RM300. Penerimaan keahlian ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk.

FASAL 8. PERMOHONAN MENJADI AHLI

- 8.1 Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengisi borang dan dikemukakan kepada Setiausaha. Jawatankuasa Induk boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan.
- 8.2 Sekiranya permohonan menjadi ahli ditolak, sebab-sebab penolakan hendaklah dikemukakan kepada pemohon secara bertulis.

FASAL 9. HAK DAN KEISTIMEWAAN AHLI

- 9.1 Semua ahli mempunyai hak dan kesitimewaan seperti berikut:
- (a) berhak untuk menyertai segala kegiatan yang dianjurkan oleh Persatuan ini.

- (b) berhak menerima dengan percuma satu salinan perlembagaan Persatuan semasa pendaftaran dan diberi sekali sahaja.
- (c) berhak menggunakan kemudahan dan premis badan sukan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

9.2 Tiap-tiap ahli hendaklah mengakui dan bersetuju untuk mematuhi:

- (a) perlembagaan, undang-undang dan peraturan-peraturan termasuk peraturan-peraturan kecil, amalan-amalan terbaik yang diterimapakai oleh badan sukan di peringkat tempatan dan antarabangsa;
- (b) segala bidang kuasa badan sukan ini; dan
- (c) segala peraturan dan undang-undang berkaitan dengan sukan ini.

FASAL 10. HAK MENGUNDI DALAM MESYUARAT AGUNG

10.1 Ahli Gabungan

Semua ahli gabungan yang membayar yuran sebelum atau pada 1 Februari adalah berhak untuk mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung.

10.2 Ahli Kehormat

Ahli Kehormat tidak berhak mengundi dan diundi tetapi boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan sebagai pemerhati.

FASAL 11. PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

11.1 Setiap ahli berhak untuk hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan

11.2 Perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dipilih oleh badan yang diwakilinya.

11.3 Setiap ahli gabungan berhak menghantar 4 orang wakil ke Mesyuarat Agung Tahunan.

- 11.4 Nama-nama wakil yang dipilih hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- 11.5 Jika ahli hendak menukar perwakilannya ke Mesyuarat Agung Tahunan, nama perwakilan yang baru hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 12. DISIPLIN AHLI, PEGAWAI DAN PEMEGANG JAWATAN

Jawatankuasa Tatatertib setelah mendapati mana-mana ahli, pegawai atau pemegang jawatan:

- (a) telah melanggar, gagal, enggan, atau tidak mematuhi mana-mana peraturan dan undang-undang termasuk gagal memenuhi komitmen sebagai ahli seperti mana terkandung dalam Fasal 9.2;
- (b) bertindak secara tidak wajar atau memudaratkan kepada badan sukan dan kepentingannya; dan tidak selari dengan matlamat badan sukan dan sukan itu sendiri; dan
- (c) membawa keaiban kepada ahli, badan sukan, sukan itu sendiri dan negara.

boleh memulakan prosiding disiplin terhadap ahli, pegawai atau pemegang jawatan tersebut tertakluk kepada kuasa dan prosedur disiplin yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk. Ahli, pegawai dan pemegang jawatan yang terlibat berhak untuk mendapat keadilan semulajadi (*natural justice*).

FASAL 13. PEMBERHENTIAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMECATAN AHLI / PEGAWAI DAN PEMEGANG JAWATAN

- 13.1 Mana-mana ahli atau pemegang jawatan yang membuat permohonan bertulis untuk berhenti dan permohonannya itu diluluskan oleh Jawatankuasa Induk adalah dianggap sebagai telah berhenti menjadi ahli Persatuan.
- 13.2 Penggantungan atau pemecatan ahli atau pemegang jawatan boleh dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib setelah melalui proses

keadilan semulajadi.

- 13.3 Pemberhentian atau pemecatan mana-mana pegawai atau pemegang jawatan yang dilantik oleh Presiden atau Jawatankuasa Induk adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam perlantikannya.
- 13.4 Setiap ahli atau pemegang jawatan yang didapati menjalankan sesuatu kegiatan yang bertentangan dengan perlembagaan Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya atau jawatannya bagi tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah. Surat tunjuk sebab hendaklah dikemukakan kepada ahli atau pemegang jawatan tersebut sebelum tindakan pemecatan atau penggantungannya dibuat.
- 13.5 Penggantungan atau pemecatan itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.
- 13.6 Mana-mana ahli, pegawai atau pemegang jawatan yang keahliannya dipecat atau jawatannya digantung boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Induk dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Tatatertib
- 13.7 Jawatankuasa Induk mempunyai kuasa sama ada untuk menerima, menolak atau membuat apa-apa keputusan lain yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib dan keputusan Jawatankuasa Induk adalah muktamad.

FASAL 14. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 14.1 Mesyuarat Agung Tahunan ialah mesyuarat yang dihadiri oleh semua ahli persatuan. Ia merupakan kuasa perundangan tertinggi untuk membuat keputusan.
- 14.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat dari 31hb Disember tiap-tiap tahun.
- 14.3 Jika Persatuan gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya mengikut tempoh yang ditetapkan dalam fasal 14.2 dan 14.7, Persatuan hendaklah merujuk kepada Pesuruhjaya untuk perlanjutan masa bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan itu.

14.4 Notis Mesyuarat Agung Tahunan

- (a) Satu (1) notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar secara bertulis sama ada melalui pos, fax, e-mail, surat berdaftar atau serahan tangan kepada setiap ahli sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang menyatakan perkara-perkara berikut:
- (i) Tarikh
 - (ii) Hari
 - (iii) Masa
 - (iv) Tempat mesyuarat diadakan
 - (v) Laporan aktiviti & kewangan
- (b) Borang pencalonan (*jika berkenaan*) dan borang maklumat perwakilan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

14.5 Usul

- (a) Semua usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.
- (b) Jika usul ditolak oleh Jawatankuasa Induk, usul tersebut atau usul baru yang mempunyai maksud yang sama tidak boleh dikemukakan semula. Usul tersebut hanya boleh dikemukakan semula selepas enam (6) bulan dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan tersebut.

14.6 Korum

- (a) Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah tidak kurang dari satu perdua (1/2) daripada bilangan keahlian yang layak mengundi.
- (b) Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam dari masa yang ditetapkan, maka Mesyuarat itu hendaklah ditunda

kepada tarikh baru dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh mesyuarat itu.

- (c) Sekiranya korum masih tidak mencukupi pada mesyuarat yang ditunda itu maka ahli-ahli yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat tetapi tidak boleh meminda perlembagaan dan membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan kepentingan ahli .

14.7 Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan.

- (a) Mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan atas alasan selain daripada perkara 14.6 (b), Pengerusi boleh dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada ahli mesyuarat yang berhak mengundi, menangguh mesyuarat kepada masa dan tempat yang lain.
- (b) Sekiranya mesyuarat Agung Tahunan ditangguhkan dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari, mesyuarat itu boleh disambung tanpa mengeluarkan notis mesyuarat yang baru. Walau bagaimanapun tiada perkara baru boleh dibincangkan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.
- (c) Jika mesyuarat itu ditangguhkan melebihi daripada tiga puluh (30) hari, notis mesyuarat baru hendaklah dikeluarkan sama seperti notis asal menurut fasal 14.4. Walau bagaimanapun tiada perkara baru boleh dibincangkan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.

14.8 Pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan

Apa-apa perkara yang berbangkit semasa Mesyuarat Agung Tahunan berkaitan dengan agenda mesyuarat, prosedur dan tatacara pengendalian mesyuarat hendaklah dirujuk kepada pengerusi Mesyuarat yang keputusannya adalah muktamad.

14.9 Kaedah Mengundi Dan Keputusan

14.9.1 Apa-apa keputusan yang memerlukan pengundian, pengundian hendaklah dibuat dengan cara:

(a) mengangkat tangan; atau

(b) jika diminta oleh:

(i) Presiden dengan persetujuan majoriti ahli mesyuarat; atau

(ii) satu perdua (1/2) daripada ahli Mesyuarat yang berhak mengundi.

menggunakan kertas undian tertutup.

14.9.2 Keputusan undian tersebut hendaklah diisytiharkan oleh Presiden sebaik sahaja proses pengiraan selesai dan keputusan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat.

14.10 Penghantaran Dokumen dan Minit Mesyuarat Agung Tahunan

(a) Setiausaha hendaklah menghantar setiap minit Mesyuarat Agung Tahunan yang belum disahkan kepada ahli-ahli dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh mesyuarat itu diadakan.

(b) Setiausaha hendaklah menyerahkan kepada Pesuruhjaya dokumen-dokumen yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan. Dokumen-dokumen tersebut ialah:

(i) Borang PT1/PT2;

(ii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk yang menetapkan Mesyuarat Agung Tahunan;

(iii) Notis (merujuk fasal 14.4);

(iv) Minit Mesyuarat Agung Tahunan;

(v) Senarai Ahli Jawatankuasa Induk terkini;

- (vi) Laporan Aktiviti Tahunan;
- (vii) Laporan Kewangan Tahunan;
- (viii) Senarai Ahli Induk terkini; dan
- (ix) dokumen-dokumen lain seperti yang diarahkan oleh Pesuruhjaya.

FASAL 15. AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi antara lain perkara-perkara seperti berikut :

- (a) menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya;
- (b) menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa berkenaan kegiatan Persatuan sepanjang tahun sebelumnya;
- (c) menerima dan meluluskan laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun sebelumnya;
- (d) pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk (jika berkenaan); dan
- (e) hal-hal lain yang berkaitan.

FASAL 16. MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

16.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan dalam keadaan berikut:

- (a) dengan kehendak Presiden;
- (b) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Induk; atau
- (c) atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perdua (1/2) jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya.

16.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta hendaklah diadakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

16.3 Setiausaha hendaklah mengedarkan notis pemberitahuan dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.

16.4 Korum Mesyuarat Agung Luar Biasa adalah sama dengan korum

Mesyuarat Agung Tahunan. Sekiranya korum tidak mencukupi selepas setengah (1/2) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat itu maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan pada hari, masa dan tempat yang sama pada minggu berikut atau pada hari, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Presiden dan jika korum masih tidak mencukupi pada mesyuarat yang ditangguhkan itu selepas setengah jam daripada masa yang ditetapkan maka mesyuarat itu terbatal.

- 16.5 Tiada pemilihan Jawatankuasa Induk boleh diadakan semasa Mesyuarat Agung Luar Biasa.

FASAL 17. JAWATANKUASA INDUK

- 17.1 Jawatankuasa Induk Persatuan hendaklah terdiri daripada :
- (a) seorang Presiden ;
 - (b) seorang Timbalan Presiden;
 - (c) seorang orang Naib Presiden,
 - (d) seorang Setiausaha
 - (e) seorang Bendahari
 - (f) sepuluh orang Ahli Jawatankuasa .
- 17.2 Jawatankuasa Induk hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan memegang jawatan untuk tempoh selama dua (2) tahun.
- 17.3 **Calon bagi Jawatankuasa Induk Persatuan hendaklah terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan di kalangan Ahli Gabungan**
- 17.4 **Setiap Ahli Gabungan boleh mencalonkan seorang pemegang jawatannya untuk setiap satu jawatan dalam Jawatankuasa Persatuan untuk dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan**
- 17.5 Pemegang-pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk dan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain hendaklah:
- (a) Warganegara Malaysia

- (b) berumur dua puluh satu (21) tahun ke atas;
 - (c) bukan seorang yang muflis;
 - (d) tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana badan sukan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu;
 - (e) tidak disabitkan kesalahan jenayah atau sivil dengan denda tidak kurang daripada RM2,000 dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu; dan
 - (f) sempurna akal;
 - (g) melatih disiplin sukan kendo, iaido atau jodo;
- 17.6 Mana-mana pemegang jawatan yang disabitkan dengan suatu kesalahan di Mahkamah atas pertuduhan jenayah hendaklah terlucut jawatannya dengan serta-merta.
- 17.7 Sekiranya terdapat kekosongan jawatan dalam Jawatankuasa Induk yang disebabkan pemegang jawatannya telah melepaskan jawatan atau telah meninggal dunia, calon yang mendapat undi kedua terbanyak semasa pemilihan Jawatankuasa Induk yang lepas adalah dengan sendirinya layak untuk memegang jawatan tersebut. Jika tiada calon yang sedemikian atau calon itu menolak tawaran jawatan itu, pemilihan bagi mengisi kekosongan tersebut perlu dibawa ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

FASAL 18. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA INDUK

- 18.1 Tugas-tugas Jawatankuasa Induk antaranya adalah seperti berikut;
- (a) menubuh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
 - (b) melantik Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
 - (c) menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
 - (d) mengurus dan mentadbir persatuan secara teratur;
 - (e) merancang, melaksana dan menilai program persatuan;
 - (f) mengkaji dan mencadang program-program dan perbelanjaan yang berkaitan;
 - (g) meluluskan atau meminda peraturan-peraturan untuk dibahas dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar

- Biasa;
- (h) menimbang rayuan ke atas keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
 - (i) memantau dan memastikan semua ahli, pegawai dan pemegang jawatan mematuhi perlembagaan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan ini;
 - (j) melantik dan mengisi mana-mana jawatan kosong yang bergaji;
 - (k) membangun dan merangka pelan strategik pembangunan sukan ini di peringkat negeri;
 - (l) mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana pemegang jawatan yang melanggar perlembagaan dan peraturan persatuan;
 - (m) menimbang permohonan menjadi ahli persatuan.; dan
 - (n) menyelesaikan apa-apa masalah pelanggaran peraturan, peraturan kecil, dan disiplin di kalangan pegawai, pemegang jawatan dan ahli melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan.

FASAL 19. TUGAS AHLI JAWATANKUASA INDUK

19.1 Presiden

Presiden dalam masa jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Induk dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat.

19.2 Timbalan Presiden

Timbalan Presiden hendaklah membantu Presiden melaksanakan tanggungjawab menguruskan pentadbiran persatuan. Dia hendaklah memangku dan melaksanakan tanggungjawab Presiden selama ketiadaan Presiden.

19.3 Naib Presiden

Naib Presiden hendaklah membantu Presiden dan Timbalan Presiden dalam menguruskan pentadbiran persatuan. Semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden, Naib Presiden yang paling kanan hendaklah memangku jawatan tersebut.

19.4 Setiausaha

Setiausaha bertanggungjawab dalam segala pengurusan dan pentadbiran persatuan mengikut perlembagaan dan menjalankan arahan-arahan Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Induk. Beliau bertanggungjawab mengenai surat-menyurat, menyimpan apa-apa dokumen seperti buku, surat dan kertas kecuali buku kira-kira dan buku kewangan. Dia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan mesyuarat.

19.5 Bendahari

Bendahari hendaklah membuat kutipan yuran keahlian dan menyimpan buku kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

FASAL 20. MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK

20.1 Jawatankuasa Induk hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Presiden dengan bersendirian atau satu pertiga ($1/3$) Ahli Jawatankuasa secara bersama boleh memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Induk pada bila-bila masa.

20.2 Korum mesyuarat Jawatankuasa Induk hendaklah tidak kurang daripada satu perdua ($1/2$) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa Induk.

20.3 Mana-mana ahli Jawatankuasa Induk yang tidak hadir dalam tiga (3) mesyuarat Jawatankuasa Induk berturut-turut boleh kehilangan jawatannya secara automatik kecuali Jawatankuasa Induk berpuas hati terhadap sebab-sebab ketidakhadirannya.

FASAL 21. JAWATANKUASA -JAWATANKUASA KECIL

21.1 Jawatankuasa Induk boleh menubuhkan jawatankuasa kecil yang dirasakan perlu untuk membantu perjalanan Persatuan seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Kewangan
- (b) Jawatankuasa Pembangunan
- (c) Jawatankuasa Teknikal

- (d) Jawatankuasa Pemilihan
- (e) Jawatankuasa Pertandingan
- (f) Jawatankuasa Tatatertib
- (g) Jawatankuasa Anti-Doping
- (h) Jawatankuasa Wanita
- (i) Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang difikirkan perlu.

21.2 Tugas Pengerusi Jawatankuasa Kecil

Pengerusi Jawatankuasa Kecil hendaklah menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Induk

21.3 Tugas Jawatankuasa Kecil

(a) Jawatankuasa Kewangan

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mencari sumber pendapatan persatuan seperti tajaan, bantuan dari kerajaan, derma atau cara-cara lain yang sah dari segi undang-undang persatuan dan undang-undang negara.

(b) Jawatankuasa Pembangunan

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah menganjurkan program-program pembangunan dan latihan serta termasuk pembangunan pegawai dan jurulatih.

(c) Jawatankuasa Teknikal

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah melibatkan hal-ehwal teknikal sukan ini.

(d) Jawatankuasa Pemilihan

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah memilih atlet untuk diperakukan kepada Jawatankuasa induk bagi mewakili Persatuan dalam apa-apa pertandingan dalam dan luar negara.

(e) Jawatankuasa Pertandingan

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mengelolakan

pertandingan-pertandingan di peringkat negeri.

(f) Jawatankuasa Tatatertib

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk memutuskan kes-kes berhubung salah laku ahli termasuk pegawai dan pemegang jawatan; dan menentukan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang telah dikenakan tindakan.

(g) Jawatankuasa Anti-Doping

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk memantau dan memastikan bahawa semua ahli sukan atau atlet mematuhi peraturan anti-doping. Jawatankuasa ini hendaklah menggunakan peraturan World Anti-Doping Agency (WADA) dan Institut Sukan Negara (ISN) / Anti-Doping Agency of Malaysia (ADAMAS) atau mana-mana badan yang diiktiraf oleh WADA dan pihak berkuasa di Malaysia.

(h) Jawatankuasa Wanita

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menjaga kepentingan wanita dalam badan sukan ini.

FASAL 22. KEWANGAN

22.1 Sumber kewangan Persatuan boleh diperolehi melalui;

- (a) yuran tahunan dan penalti kemasukan semula;
- (b) derma dan tajaan;
- (c) bantuan dari kerajaan atau badan-badan yang dibenarkan ;
- (d) hasil-hasil perniagaan persatuan; dan
- (e) sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

22.2. Pendapatan Persatuan yang diperolehi hendaklah digunakan untuk mencapai objektif seperti yang disebut dalam perlembagaan Fasal 4.1.

22.3 Semua cek atau baucer pembayaran persatuan hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Presiden atau Setiausaha.

- 22.4 Perbelanjaan kurang daripada **RM 2,000** bagi sesuatu masa boleh dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Induk.
- 22.5 Perbelanjaan yang lebih daripada **RM 2,000** dan tidak lebih daripada **RM 50,000** bagi sesuatu masa tidak boleh dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Induk.
- 22.6 Perbelanjaan melebihi daripada **RM50,000** bagi sesuatu masa hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa .
- 22.7 Bendahari boleh menyimpan wang tunai tidak lebih daripada **RM 2,000** dalam sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mesti dimasukkan ke dalam akaun persatuan.
- 22.8 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah tamat tahun kewangan. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang diaudit hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.
- 22.9 Tahun kewangan Persatuan ini ialah dari 1 Januari hingga 31 Disember pada tiap-tiap tahun.

FASAL 23. JURU AUDIT

- 23.1 Dua orang yang bukannya pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk boleh dilantik sebagai Juruaudit. Pelantikan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Jawatan yang dipegang ialah selama tempoh dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.
- 23.2 Tugas Juruaudit ialah membuat pemeriksaan terhadap penyata kewangan persatuan dan membuat laporan dan pengesahan ke atas penyata kewangan tersebut.
- 23.3 Mesyuarat Agung Tahunan boleh juga melantik Firma Audit yang bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja auditan Persatuan.

FASAL 24. DISKRIMINASI, EKSPLOITASI DAN GANGGUAN SEKSUAL.

- 24.1 Persatuan dan ahli persatuan ini termasuk individu, pegawai, pemegang jawatan, jurulatih serta atlet bertanggungjawab menjamin keadilan dan kesaksamaan tanpa mengira gender, agama dan bangsa.
- 24.2 Persatuan hendaklah memastikan tiada eksploitasi, gangguan fizikal, emosi dan seksual dilakukan terhadap mana-mana orang dalam Persatuan.

FASAL 25. KESELAMATAN, INSURAN DAN PERUBATAN

- 25.1 Persatuan bertanggungjawab terhadap keselamatan ahli atau atlet yang mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan atau pertandingan sama ada di dalam atau luar negara.
- 25.2 Ahli persatuan atau atlet yang mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan, pertandingan sama ada di dalam atau di luar negara hendaklah dilindungi oleh insuran yang dibiayai dan diuruskan oleh persatuan.
- 25.3 Persatuan bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan perubatan kepada ahli atau atlet yang mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan atau pertandingan sama ada di dalam atau luar negara.

FASAL 26. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Di antara Mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa Induk boleh memberi tafsiran terhadap perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam perlembagaan ini selagi tafsiran tersebut tidak bercanggah dengan dasar dan objektif persatuan.

FASAL 27. PERTIKAIAN DALAMAN

Jawatankuasa Induk dengan kerjasama Jawatankuasa Tatatertib bertanggungjawab untuk mewujudkan satu mekanisme bagi menangani apa-apa pertikaian yang timbul di kalangan ahli-ahlinya mengikut prosedur dalaman yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan Persatuan ini. Jika pertikaian gagal diselesaikan, Persatuan hendaklah merujuk

kepada badan pengelola sukan ini untuk penyelesaian.

FASAL 28. PENAUNG ATAU PENASIHAT

- 28.1 Jawatankuasa Induk Persatuan boleh juga melantik individu-individu tertentu untuk menjadi penaung atau penasihat bagi persatuan ini, sekiranya perlu.
- 28.2 Penaung atau penasihat tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran persatuan dan juga tidak boleh mengundi dan diundi.

FASAL 29. PINDAAN PERLEMBAGAAN

- 29.1 Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan dua pertiga (2/3) daripada ahli yang layak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.
- 29.2 Apa-apa pindaan kepada perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh ia diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa. Pindaan ini tidak boleh dikuatkuasakan selagi tidak mendapat kelulusan bertulis daripada Pesuruhjaya.
- 29.3 Pesuruhjaya boleh mengarahkan persatuan untuk meminda perlembagaan bila ada keperluan untuk berbuat demikian.

FASAL 30. LARANGAN

- 30.1 Segala bentuk perjudian dan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang Malaysia dilarang dilakukan dalam mana-mana premis persatuan.
- 30.2 Persatuan tidak boleh terlibat, bergabung atau mengadakan hubungan dengan apa-apa jua kegiatan politik atau mana-mana parti politik dan menggunakan nama persatuan dalam apa jua isu-isu politik.

FASAL 31. PEMBUBARAN


- 31.1 Persatuan ini boleh dibubarkan dalam Mesyuarat Agung yang khusus untuk tujuan ini dan dengan keputusan oleh dua pertiga (2/3)

daripada ahli yang layak mengundi.

31.2 Setelah persatuan dibubarkan maka semua baki wang atau harta benda (aset) yang ada hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Insolvency Malaysia.

31.3 Keputusan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu melalui borang-borang yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

Disahkan betul oleh



Presiden
Nama:
Tarikh:

Setiausaha
Nama: Shamshul Amri Bin Omar
Tarikh: 7 Ogos 2018